



KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2006

BUKIT BATOK, TAMPINES I & II, YISHUN, WOODLANDS PT, TECK WHYE
CHOA CHU KANG, MARSILING, JURONG WEST I & II, ADMIRALTY

NAMA : _____

MATA PELAJARAN : **SIRAH**

KBK : **3**

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **7** muka surat.
2. Masa untuk menjawab kertas soalan ini ialah **1** jam.
3. Semua jawapan mesti dibuat dalam kertas soalan yang disediakan.
4. Pastikan segala keterangan diri anda ditulis dengan betul dan sempurna.
5. Jangan buka kertas soalan sehingga diberi arahan oleh pengawas.

MARKAH		
A	20	
B	20	
C	20	
D	20	
	80	
Tanda Tangan Pemeriksa _____		
Tanda Tangan Waris _____		

KBK 3 / SIRAH

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

Pilih jawapan yang tepat dan isikan di dalam kurungan yang disediakan.

SIRAH

1. _____ adalah salah satu perintah oleh Allah dalam wahyu kedua.
 - a) Bersolat
 - b) Membaca
 - c) Berdakwah ()

2. Hamba lelaki yang pertama yang memeluk agama Islam ialah _____.
 - a) Zaki Bin Harisah
 - b) Zaid bin Harisah
 - c) Zahil Bin Harisah ()

3. Kaum Quraisy sangat kuat menentang ajaran Islam kerana _____.
 - a) kaum Quraisy takut pada Nabi
 - b) agama Islam adalah agama yang terpesong
 - c) Islam bertentangan dengan agama tradisi kaum Quraisy ()

4. Kaum Quraisy merasa _____ apabila kaum Muslimin telah berhijrah ke Habsyah.
 - a) sangat gembira
 - b) sedih dan terharu
 - c) marah dan dengki ()

5. Barangsiapa yang _____ akan mendapat ganjaran di akhirat nanti seperti yang telah dikhabarkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj.
 - a) takabbur
 - b) mempertahankan agama
 - c) mempertahankan keburukan ()

AKHLAK

6. Siti sering membersihkan rumah tanpa disuruh oleh ibunya. Siti sangat rajin dan pandai _____.
- a) berdikari
 - b) menyapu rumah
 - c) menghormati Ibubapa ()
7. Sifat boros harus di jauhi kerana ia akan membawa _____ .
- a) kepapaan
 - b) keseronokan
 - c) kesederhanaan ()
8. Allah sayang kepada mereka yang _____ orang lemah atau miskin.
- a) menghina
 - b) membantu
 - c) mengetepikan ()
9. Islam _____ murid menghormati guru dan taat kepada perintahnya.
- a) mewajibkan
 - b) mengharuskan
 - c) mengharamkan ()
10. Selain guru, kita juga harus menghormati orang yang tinggal bersebelahan dengan kita iaitu _____.
- a) guru
 - b) jiran
 - c) saudara ()

BAHAGIAN B (20 MARKAH)

Tandakan (✓) pada jawapan yang betul dan (×) pada jawapan yang salah.

SIRAH

1. Musyirikin Mekah menolong hamba abdi yang memeluk Islam. ()
2. Dua orang ternama muslimin yang memeluk Islam ialah Hamzah dan Umar Al-Talib ()
3. Kaum Quraisy memulaukan orang Islam kerana sikap cemburunya terhadap orang Islam ()
4. Penduduk Bani Tsaqif di Taif telah menerima ajaran Nabi. ()
5. Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Islam telah menerangkan tentang bahayanya orang yang suka mengumpat. ()

AKHLAK

6. Orang yang boros akan menyesal ()
7. Allah tidak suka orang yang malas dan yang sentiasa bergantung kepada orang lain. ()
8. Membantu saudara-mara yang susah besar pahalanya. ()
9. Manusia boleh hidup bersendirian, tidak memerlukan kawan. ()
10. Apabila bertemu jiran berbangsa India atau Cina, kita haruslah memberi salam. ()

BAHAGIAN C (20 MARKAH)

Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

Al-Quran	Syieb	mentaati	membantu	memaafkan
Taif	beriman	disia-siakan	membelanjakan	Habsyah

SIRAH

1. Ugama Islam menyuruh manusia _____ kepada Allah.
2. Segala pengajaran Islam ditulis di dalam kitab _____.
3. Nabi telah menyuruh sebahagian kaum muslimin berhijrah ke _____ di benua Afrika.
4. Orang muslimin hidup terpencil di sebuah kawasan bernama _____ ketika mereka dipulaukan.
5. Setelah Siti Khadijah meninggal dunia, nabi telah berhijrah ke _____.

AKHLAK

6. Orang yang menghormati jiran tetangga akan _____ kesusahan jirannya.
7. Masa Ali tidak pernah _____ kerana beliau membuat jadual harian di rumah.
8. _____ perintah guru tanda kita menghormati guru.
9. Kawan yang baik akan _____ apabila kita melakukan kesalahan.
10. Kita dilarang mempunyai sifat lokek iaitu susah hendak kita _____ wang kita untuk benda yang berfaedah.

BAHAGIAN D (20 MARKAH)

Pilih 5 soalan sahaja daripada 8 soalan berikut, kemudian jawab di tempat kosong yang telah disediakan

SIRAH

1. Apakah erti wahyu? Di manakah Nabi menerima wahyu yang kedua?

2. Siapakah wanita dan lelaki pertama yang memeluk agama Islam?

3. Bagaimanakah keadaan orang Islam akibat pemuluan Quraisy dan apakah kesudahannya?

4. Adakah penduduk Taif menerima ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan apakah pengalaman Nabi s.a.w. semasa beliau berada di sana?

AKHLAK

5. Apakah yang harus kita lakukan apabila berjumpa dengan jiran beragama Islam? Bagaimanakah caranya kita menolong jiran yang berada dalam kesusahan?

6. Bagaimanakah cara kita dapat menjaga masa dengan baik? Sebutkan 2 faedah menjaga masa?

7. Anda sedang mendengar guru mengajar di dalam kelas. Tiba-tiba, kawan di sebelah kamu mengajak anda berbual. Apakah yang harus anda lakukan?

8. Ali berkawan dengan Ahmad sejak kecil lagi. Ali sering mengumpat mengenai kejahatan orang lain. Ahmad mula menyedari tentang kelakuan kawannya itu. Apakah yang patut dilakukan oleh Ahmad?

☞ Semoga Berjaya ☞